

Bahan asal dari Arkib
Negara Malaysia

PM: BERI KEUTAMAAN PENIAGA BUMIPUTERA

PORT DICKSON, Jumaat — Perdana Menteri Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad menyatakan beliau akan mengarahkan kakitangan Kerajaan supaya memberi keutamaan kepada ahli-ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu (DPPM) ketika memohon mendapatkan bantuan dari kerajaan.

"Dalam menimbangkan permohonan-permohonan mereka jika didapati banyak persamaan, cara terakhir sekali ialah memastikan ia sama ada ahli Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu atau sebaliknya."

Katanya, ketika berucap di majlis jamuan makan malam anjuran Dewan Perniagaan dan

Perusahaan Melayu Malaysia di sini malam tadi.

Dengan cara ini sahaja Kerajaan dapat menyalurkan bantuan yang dikehendaki sebagaimana sepatutnya.

Menurut Datuk Seri Dr. Mahathir, Dewan Perniagaan dan Perusahaan Melayu telah memainkan peranan yang besar dalam usaha mencapai obkectif Dasar Ekonomi Baru (DEB).

Menggesa

Beliau menyeru ahli-ahli perniagaan Bumiputera menjadi ahli dewan ini demi kepentingan mereka sendiri.

Perdana Menteri juga menggesa para peniaga Bumiputera jangan segan silu

untuk bergaul dengan para peniaga bukan Bumiputera.

Katanya, pergaulan antara kedua pihak itu akan memberi faedah kepada kedua belah pihak.

Datuk Seri Dr Mahathir juga berharap para peniaga Bumiputera dapat mengadakan pengurusan perniagaan mereka dengan cekap dan teratur.

"Tanpa pengurusan yang cekap sesuatu perniagaan itu agak sukar untuk berjaya," katanya.

Beliau juga menyeru para peniaga Bumiputera supaya mengambil peluang dalam bidang perniagaan yang lebih besar supaya dapat mencapai DEB.

Beliau juga menyeru Dewan

Perniagaan dan Perusahaan Melayu bekerjasama dengan lain-lain dewan perniagaan bagi faedah dan kepentingan bersama.

Terdahulu dari itu, Menteri Besar Datuk Rais Yatim menyatakan kebanyakkan para peniaga Bumiputera menghadapi masalah ruang niaga yang terhad tetapi masalah ini sedang diatasi.

Beliau juga menyeru ahli-ahli Dewan Perniagaan Bumiputera mendapatkan tenaga mahir untuk mengendalikan perniagaan mereka.

"Tanpa tenaga demikian para peniaga Bumiputera sering menghadapi masalah untuk mencapai kejayaan," ujarnya.